

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan

Tingkat 31, Menara Bank Islam

No. 22 Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Telefon 03 2088 8000

Fax 03 2781 2998

www.bankislam.com.my

BANK ISLAM TERUS MENYOKONG PERKEMBANGAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DI MALAYSIA

Diakui sebagai antara pembiaya terbaik SJPP

KUALA LUMPUR, Khamis, [23 Januari 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") telah diiktiraf sebagai satu daripada lima pembiaya utama dalam menyokong perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") negara, termasuk dalam sektor minyak dan gas ("O&G"), tenaga, ekonomi sebenar dan perniagaan permula.

Peka terhadap keperluan sokongan kewangan yang kukuh demi pertumbuhan perniagaan, Bank Islam menjalin kerjasama dengan Kerajaan dan agensi-agensinya d untuk memudahkan proses pembiayaan, khasnya untuk PKS. Pada tahun 2019, Bank Islam telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM387.4 juta dan telah mengagihkan sejumlah RM197.4 juta di bawah skim jaminan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan ("SJPP") kepada pelanggan PKS bagi pengukuhan perniagaan mereka.

Sebagai menghargai peranan Bank Islam dalam menyediakan pembiayaan kepada PKS, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed telah menerima anugerah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan pada Majlis Pelancaran Belanjawan 2020 Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad ("SJPP") - Skim Jaminan Kerajaan untuk PKS yang berlangsung Selasa lalu di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.

Anugerah ini mengiktiraf pencapaian cemerlang Bank Islam dalam menyediakan pembiayaan dan pengesahan jaminan yang diluluskan pada skim jaminan kerajaan yang diuruskan oleh SJPP iaitu pentadbir dan pengurus skim jaminan kerajaan di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan ("MoF Inc.")

Mohd Muazzam berkata, "Program Pembiayaan Vendor Bank Islam, yang merupakan hasil kerjasama dengan PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad dan Sarawak Energy Berhad dan dijamin oleh SJPP, memberi fokus untuk menyokong PKS dalam sektor O&G dan tenaga. Pembiayaan ini memberi ruang dan peluang untuk usahawan PKS menyempurnakan kontrak mereka. Selain sektor O&G dan tenaga, Bank Islam juga menyediakan dorongan kepada usahawan-usahawan yang terlibat dalam sektor lain melalui penganjuran program bertumpukan keperluan pelanggan seperti SME BIZ Financing, SME BIZ Grow dan SME Start-up."

Beliau menambah, "Pada tahun ini, kami berharap untuk memperluaskan lagi portfolio PKS dan pada masa yang sama, mencari lebih banyak peluang kerjasama dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat besar lain melalui Program Pembangunan Vendor mereka. Potensi kerjasama ini akan membantu rangkaian syarikat terbabit dan memenuhi keperluan kewangan kepada vendor yang layak. Justeru, membolehkan perniagaan PKS terlibat bertapak lebih kukuh dalam industri".

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.my.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---